

05 MAR 2000

Umno-Johor

LIMA UMNO BAHAGIAN DI JOHOR CALONKAN DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

JOHOR BAHARU, 5 Mac (Bernama) -- Kesemua lima bahagian Umno di Johor yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing hari ini telah mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing untuk jawatan presiden dan timbalan presiden.

Kelima-lima bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan hari ini ialah Ledang, Sungai Benut, Senai, Segamat dan Tenggara.

Johor mempunyai 20 Umno bahagian dan sebanyak 15 bahagian lagi akan bermesyuarat sehingga akhir bulan ini. Bahagian Mersing akan bermesyuarat pada 12 Mac manakala bahagian Bakri pada 18 Mac.

Empat bahagian lagi iaitu Johor Baharu, Gelang Patah, Parit Sulong dan Sri Gading akan bermesyuarat pada 19 Mac manakala pada 26 Mac, sembilan bahagian akan bermesyuarat iaitu Pulai, Pagoh, Tebrau, Kluang, Labis, Batu Pahat, Muar, Pontian dan Kota Tinggi.

Bagi jawatan naib presiden, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mendapat pencalonan daripada kelima-lima bahagian yang bersidang hari ini.

Abdul Ghani, Pengerusi Perhubungan Umno Johor, ialah antara tiga tokoh Umno dari Johor yang telah menawarkan diri untuk jawatan naib presiden pada pemilihan parti Mei ini.

Dua yang lain ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Syed Hamid ialah Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Johor dan Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi manakala Muhyiddin Ketua Umno Bahagian Pagoh.

Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam pula mendapat dua pencalonan (Senai dan Tenggara) manakala Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar masing-masing mendapat satu pencalonan.

Dr Rais mendapat pencalonan daripada bahagian Sungai Benut manakala Mohd Isa bahagian Segamat dan Abu Hassan bahagian Ledang.

-- BERNAMA

MKO PR